



March 2009

Kematian akibat memunggah bahan kimia yang salah ke dalam tangki!



Sebuah lori yang membawa larutan natrium hidrosulfida tiba di sebuah kilang pada jam 3:30 pagi. Pemandu lori itu tidak pernah datang ke kilang tersebut dan meminta bantuan daripada penyelia shift yang bertugas. Penyelia itu menyatakan bahawa penghantaran bahan kimia yang telah diterima dalam waktu tugasannya hanyalah ferus sulfat. Dia juga tidak diberitahu akan menerima bahan kimia yang lain di dalam waktu tugasannya. Oleh itu dia mengandaikan bahawa bahan kimia yang sampai itu adalah ferus sulfida.

Penyelia itu mengarahkan pemandu lori ke stesen pemungghaan ferus sulfat. Penyelia tersebut tidak mengesahkan identiti bahan kimia di dalam tangki lori tersebut, walaupun nota penghantaran menyatakan bahan kimia yang dibawa adalah natrium hidrosulfida. Penyelia itu mengesahkan nota penghantaran tanpa membacanya. Beliau kemudian meninggalkan kawasan itu tanpa seorang pun pekerja yang tinggal untuk mengawasi kerja pemungghaan yang akan dilakukan oleh pemandu lori tersebut.

Pemandu lori itu menyambungkan hos dari tangki lorinya ke tangki simpanan ferus sulfat seperti yang ditunjukkan di dalam gambar di atas. Beliau mula menyalurkan natrium hidrosulfida ke dalam tangki simpanan ferus sulfat. Malangnya, natrium hidrosulfida dan ferus sulfat akan bertindakbalas menghasilkan hidrogen sulfida, satu gas yang amat beracun. Tidak lama selepas kerja pemungghaan itu bermula, seorang pekerja di tingkat bawah bangunan itu terhidu satu bau yang menusuk dan terus tidak sedarkan diri..

Apabila kembali sedar, pekerja tersebut terus keluar dan mendapatkan bantuan daripada pekerja lain, yang terus menghubungi anggota penyelamat kecemasan. Mereka menemui pemandu lori tersebut di dalam keadaan tidak sedarkan diri di tempat kejadian. Pemandu lori tersebut telah disahkan meninggal dunia di tempat kejadian akibat terhidu gas hidrogen sulfida yang amat beracun itu..

Apa yang boleh anda lakukan?

- **SENTIASA pastikan identiti bahan-bahan kimia** yang anda isi ke dalam mana-mana tangki. Periksa identiti bahan, buat semakan dan kemudian semak ia sekali lagi sebelum memulakan pemindahan bahan kimia!
- **JANGAN sekali-kali membuat tanggapan** anda tahu isi kandungan tangki sesebuah lori, tong ataupun bekas bahan kimia yang sampai di tempat anda tanpa memeriksa labelnya dan juga dokumen penghantaran.
- **Patuhilah semua prosedur** untuk mengesahkan bahan-bahan kimia. Ini termasuklah dengan memeriksa semua dokumen penghantaran, surat penghantaran, sijil analisa pensampelan ataupun ujian yang dijalankan ke atas bahan kimia tersebut apabila ia sampai. Pastikan semua pekerja yang ditugaskan untuk menerima bahan kimia dilatih dan faham prosedur berkaitan. Jika tiada prosedur, rujuk penyelia untuk menyediakannya.
- Ingatlah bahawa perbuatan mencampurkan bahan-bahan kimia yang tidak sesuai boleh mewujudkan kesan yang buruk – termasuklah mengakibatkan kebakaran dan letupan atau menghasilkan bahan kimia yang amat toksik.
- Ketahui akan potensi tindakbalas bahan kimia berbahaya yang disimpan di tempat anda. Pertimbangkan penggunaan kelengkapan khas dan peralatan pemungghaan untuk memastikan pemungghaan dan pengisian bahan kimia yang salah dapat dicegah.
- Pastikan kesemua sambungan paip bagi kerja memunggah bahan kimia dan juga tangki simpanan dilabelkan dengan jelas.

JANGAN mengisi bahan kimia ke dalam tangki tanpa memastikan ia adalah bahan kimia yang betul!